

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN
HASSAN [KOTA BHARU]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2016

SOALAN :

**YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sejauh manakah Program Pendidikan PERMATA
pintar berjaya melahirkan pelajar "genius" sejak ia dimulakan pada tahun
2011.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kolej PERMATA pintar adalah sebuah institusi pendidikan sekolah menengah yang diberi taraf sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada bulan April 2014. Kolej ini mula mengambil pelajar yang pertama pada tahun 2011. Pelajar yang ingin memasuki Kolej PERMATApintar perlu melalui tiga (3) jenis ujian iaitu Ujian UKM1, Ujian UKM2 dan Ujian UKM3. Ujian UKM1 dan UKM2 adalah ujian yang menilai kebolehan kognisi pelajar termasuk melihat kebolehan mereka mentaakul, kebolehan memproses maklumat, kebolehan mengingat kembali dan kebolehan memahami maklumat secara lisan. Manakala Ujian UKM3 pula menguji kompetensi pelajar dalam bidang Sains, Matematik, Kepintaran Emosi, Kreativiti, Kepimpinan dan Penyelidikan.

Sejak tahun 2009, Pusat PERMATApintar Negara telah mengenalpasti seramai 5,330 orang pelajar yang boleh dikategorikan sebagai "genius" atau pintar pada tahap yang berbeza-beza. Mereka dijemput untuk menghadiri kem Perkhemahan Cuti Sekolah (PCS) yang dijalankan di Pusat PERMATApintar Negara setiap tahun (sejak dari tahun 2009 hingga 2015). Daripada jumlah tersebut seramai 732 pelajar telah menerima tawaran untuk memasuki Kolej PERMATApintar bermula dari tahun 2011 hingga 2016 dan seramai 415 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian mereka di Kolej PERMATApintar. Pelajar tersebut juga sedang

melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam dan luar negara.

Pelajar dari kumpulan pertama iaitu seramai 115 orang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Sarjana Muda dan sebahagian mereka telah berjaya mendapatkan tempat untuk melanjutkan pelajaran di universiti dalam dan luar negara. Antara universiti luar negara yang telah berjaya ditembusi oleh pelajar-pelajar PERMATApintar termasuklah *Stanford University, Oxford University, Cambridge University, Cornell University, Johns Hopkins University, Brown University, UCLA, UC Davies, London College University, Imperial College University, Boston University, Royal Holloway University London, University of Michigan* dan *Penn University*. Universiti tersebut merupakan universiti terkemuka yang sukar ditembusi oleh pelajar-pelajar melainkan mereka merupakan pelajar yang sangat pintar atau "genius". Pelajar-pelajar PERMATApintar juga telah berjaya memulakan pengajian mereka di universiti-universiti tersebut pada usia yang muda iaitu seawal 15 tahun.

Di Malaysia pula pelajar-pelajar ini berada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Seramai 95% dari pelajar-pelajar tersebut belajar dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dan selebihnya dalam bidang sains sosial. Salah seorang dari pelajar PERMATApintar juga telah diterima bekerja dengan Apple Inc. sebaik sahaja tamat pengajiannya dari University California, Los Angeles. Manakala dua dari pelajar-pelajar tersebut yang kini sedang

melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di *Oxford University* dan *Stanford University* telah diberi peluang untuk menjalankan penyelidikan mereka bersama saintis terkemuka dunia di universiti tersebut.

Sekian, terima kasih.